

Buletin

ACIS

Zulhijjah-Muharram 1442H-1443H/ Ogos 2021

Menelusuri Sejarah Perkembangan Adat Perpatih di



REMBAU



Erti Kemerdekaan
Menurut **Surah**
Al-Kahfi
ms⁶

Food to Share
ms⁹

Penubuhan Jabatan/
Institusi Fatwa di
Malaysia: **Selangor**,
Wilayah Persekutuan
dan **Perak**
ms⁷



Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Prof Madya Dr Halim bin Ramli
Nur Sofiah binti Suhaimi
Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh
Suhaila Sharil

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke

faizubaaidah@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-34 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "*Menelusuri Sejarah Adat Perpatih di Rembau*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Menelusuri Sejarah Perkembangan
Adat Perpatih di Rembau
ms3

Erti Kemerdekaan Menurut Surah
Al-Kahfi
ms6

Penubuhan Jabatan/ Institusi Fatwa di
Malaysia: Selangor, Wilayah
Persekutuan dan Perak
ms7

Food to Share
ms9

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

Menelusuri Sejarah Perkembangan Adat Perpatih di Rembau

Oleh: Profesor Madya Dr. Abdul Halim Ramli

Profesor Madya Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Fakta sejarah sama ada melalui catatan Sejarah Melayu 1612 M dan catatan d'Eredia 1613 M, sudah membuktikan kewujudan sebuah kerajaan atau pemerintahan yang tersendiri di Rembau yang mempunyai ciri sebuah pemerintahan yang teratur dan maju. Antaranya menjadi pusat perdagangan galian seperti bijih timah, emas dan tukaran barang dagangan asing yang bukan saja melibatkan aktiviti perdagangan dalam kalangan negeri atau kerajaan Melayu yang berjiran seperti Melaka, Kelang dan Johor tetapi lebih dari itu menyangkut hubungan dagangan dan politik dengan kuasa Barat seperti Portugis (1511-1641 M), Belanda (1642 M) dan British (1832 M). Di samping itu, kedatangan raja Minangkabau dari Pagar Ruyung ke Negeri Sembilan melalui Rembau, iaitu Raja Malewar pada tahun 1772 M menjadi asas permulaan institusi beraja di Negeri Sembilan.

Tambahan pula, peranan penting yang dimainkan oleh Sungai Penanjis atau Sungai Linggi yang menjadi laluan pedagang yang utama ketika itu. Kepesatan dan laluan yang penting para pedagang melalui Sungai Penanjis menjadi medan persengketaan dan perebutan penguasaan laluan yang penting ini yang kadangkala menumpahkan darah. Misalnya pada tahun 1643 M, Belanda kerap kali telah menyerang Rembau bagi menghentikan isu sekatan Sungai Penanjis, gangguan orang tempatan terhadap perdagangan mereka. Serangan tersebut mendapat tentangan yang hebat dari tentera Rembau sehingga terbunuhnya Kapten Forsenburgh dan Temenggung Menie serta enam askar Belanda

Dalam satu serangan yang lain, tentera Belanda turut gagal dengan jumlah 30 orang tentera Belanda yang terkorban bahkan telah meninggalkan satu peti berisi wang sebanyak 14 ribu riyal. Begitu juga pada tahun 1645 M, satu lagi serangan Belanda terhadap Rembau dan Naning telah dilancarkan tetapi ditentang oleh kira-kira 2000 orang tentera Rembau yang menyebabkan tentera Belanda terpaksa berundur. Sehinggalah akhirnya, Belanda memeterai perjanjian damai dengan Rembau pada tahun 1646 M untuk membuka semula Sungai Penanjis kepada laluan pedagang untuk keluar masuk dengan bebas.

Kedatangan orang luar dan kuasa asing ke Rembau pada dekad tersebut menunjukkan Rembau menjadi sebuah negeri yang penting dari segi perkembangan ekonomi. Sebelum abad ke 16 M, catatan Newbold menunjukkan bahawa orang Minangkabau telahpun datang berhijrah ke Rembau pada tahun 1338M/773H. Kaum lelaki yang datang pada mula-mula tersebut kemudiannya berkahwin dengan penduduk tempatan yang membawa kepada kewujudan suku Biduanda. Jalur daripada suku Biduanda ini kemudiannya menjadi para pembesar dan Undang Luak Rembau. Satu fakta yang perlu diingat bahawa orang Minangkabau yang datang ke Rembau adalah beragama Islam dan kedatangan mereka secara aman tidak melalui perperangan.

Kajian tentang sejarah perlombagaan dan adat istiadat Rembau telah dibuat oleh C.W.C Parr dan W.H. Mackerry (kedua-duanya merupakan pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu) melalui artikelnya yang tersiar dalam jurnal *Straits Branch Royal Asiatic Society*, bil.56, Disember 1910. Tajuk asal artikel tersebut ialah "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs, JSBRAS 56, 1910: 1-57).

Jurnal ini kemudiannya telah dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu oleh Abbas bin Hj. Ali dengan menerbitkan sebuah buku dalam tulisan jawi bertajuk "Rembau Sejarah Perlombagaan, Adat dan Istiadatnya" pada tahun 1953 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Undang dan Perlombagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau.



Penterjemahan artikel ini ke dalam Bahasa Melayu yang dilakukan oleh Abbas bin Hj. Ali pada tahun 1953 adalah sumbangan yang amat penting bagi menjaga rekod dan dokumen bertulis mengenai sejarah Rembau dan perkembangan adat Perpatih di Rembau khususnya dan di Negeri Sembilan pada umumnya, terutama untuk tatapan generasi hari ini dan masa hadapan.

Buku ini sangat signifikan kepada para penyelidik sejarah dan pengkaji adat Perpatih kerana ia dapat memberi maklumat yang menyeluruh mengenai sistem pentadbiran, sejarah, peraturan dan alam pemikiran orang Melayu pada masa lalu terutama dalam pelaksanaan adat istiadat yang menjadi norma dan peraturan masyarakat Melayu. Lebih-lebih lagi, adat Perpatih bukan hanya sebagai satu budaya tetapi adalah norma dan peraturan yang signifikan dalam kehidupan orang Melayu Negeri Sembilan pada zaman silam. Oleh itu, jika seseorang itu melakukan perbuatan yang tidak bermoral maka dikatakan "tidak tahu adat". Begitu juga jika melanggar hukum agama dikatakan melanggar hukum adat. Pegangan yang kuat masyarakat Melayu silam terhadap hukum

adat berkait rapat dengan asas adat itu yang diasaskan kepada enam punca kata iaitu, "pertama, kata Allah, kedua, kata Rasul, ketiga, kata pusaka, keempat, kata muafakat, kelima, berterombu dan keenam, bersalsilah" (Abbas Hj.Ali, 1953).

Perkaitan yang rapat antara adat dengan hukum syarak digambarkan dengan ungkapan yang berbunyi "pada adat, menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik" manakala pada syarak "menyuruhkan berbuat baik, menegahkan berbuat jahat". Kedua-dua ungkapan ini mempunyai maksud dan tujuan yang sama (Abbas Hj.Ali, 1952).

C.W.C Parr dan W.H. Mackerry (1910) dalam artikelnya itu telah menelusuri sejarah Rembau melalui kata ibarat yang diungkapkan oleh orang Rembau yang berbunyi "Gagak hitam, gagak senawi, turun dari bukit, berkaki empat", "bangau putih, datang dari laut berkepak sayap". Kata ibarat ini secara simbolik menunjukkan asal usul masyarakat Rembau di mana gagak hitam adalah ibarat penduduk Rembau yang asal, manakala "Bangau putih, datang dari laut berkepak sayap" adalah simbolik kepada kedatangan orang Minangkabau yang mula-mula ke Rembau yang dinyatakan oleh Newbold pada 1338 M. Tulisan Parr dan Mackerry (1910) berdasarkan cerita lisan daripada berbagai sumber yang berbeza memperihalkan evolusi pembentukan penduduk asal Rembau yang diibaratkan sebagai kedatangan "Gagak" dan "Bangau putih" ke Rembau.

Sebahagian cerita lisan tersebut mengikut Parr dan Mackerry tidak dapat dipertahankan dari segi catatan sejarah. Walau bagaimanapun, riwayat yang terkenal ialah pada Teromba berkaitan Bendahara Sekudai yang datang menduduki Rembau mempunyai tiga orang anak perempuan bernama Dato' Mudik, Dato' Mengkudu dan Dato' Bungkal. Generasi dari keturunan ketiga-tiga anak Bendahara Sekudai ini telah mengasaskan jalur keturunan pembesar atau pemimpin seperti Dato' Kelana Petra yang menjadi ketua waris Sungai Ujong (dari keturunan Dato' Mudik), Bendahara di Pahang (keturunan Dato' Mengkudu) dan Dato' Lela Maharaja Rembau (keturunan Dato' Bungkal). Ringkasnya, tulisan Parr dan Mackerry (1910) telah menelusuri evolusi sejarah para leluhur masyarakat Melayu Rembau yang membentuk struktur masyarakat, adat, undang-undang dan peraturan masa lalu dan kesinambungannya pada masa kini dari sudut pengekalan institusi adat Perpatih, Dato' lembaga adat dan Undang Luak Rembau.



Tulis Parr dan Mackerry telah memberikan satu gambaran umum tentang institusi perlembagaan Rembau. Penjelasan mendalam tentang institusi perlembagaan Rembau ini sama seperti konsep sebuah perlembagaan moden yang memberi panduan, rujukan, peraturan yang mengikat semua warga yang berlindung di bawah perlembagaan tersebut. Peranannya adalah untuk memastikan segala sistem dan norma hidup masyarakat berjalan dengan baik, bersatu padu dan menyelesaikan segala permasalahan yang berbangkit. Justeru itu, institusi perlembagaan Rembau ialah satu bentuk pentadbiran yang terjadi dari persatuan suku-suku adat Perpatih. Tiap-tiap suku lazimnya diperintah oleh seorang atau lebih lembaga yang tertakluk kepada kekuasaan Undang.

Namun kuasa memerintah suku-suku adalah sebenarnya di tangan Lembaga. Tiada siapa yang boleh mencampuri urusan adat di Rembau melainkan yang ada hubungan lingkungan dengan salah satu suku atau atas sebab kemasukannya tidak boleh menambah kelebihan dan kepentingan seseorang Dato' Lembaga dalam sesuatu suku. Orang yang kemudian tidak ada kuasa memilih mana-mana suku yang ingin dimasukinya kerana adat meletakan peraturan yang ketat bagi menerima mereka menjadi ahli suku seperti perbilangan adat yang berbunyi "dagang bertempatan, perahu bertambatan".



Kajian perlembagaan Rembau yang dibuat Parr dan Mackerry (1910) mempunyai sumbangannya dalam memberikan kepada generasi hari ini maklumat yang jelas dan bertulis mengenai pentadbiran suku-suku di Rembau yang terdiri daripada 12 suku iaitu Suku Biduanda, Suku Batu Hampar, Suku Paya Kumboh, Suku Mungkar, Suku Tiga Nanek, Suku Sri Melenggang, Suku Selomak, Suku Batu Balang, Suku Tanah Datar, Suku Anak Aceh, Suku Anak Melaka dan Suku Tiga Batu. Pentadbirannya tersusun mengikut aturan iaitu Orang Besar, Buapak dan Lembaga.

Buapak adalah orang yang berkuasa dalam lingkungan keluarga atau perut sesuatu suku, manakala Lembaga adalah tempat kuasa Buapak itu terikat. Perlembagaan Rembau telah memberikan penjelasan mengenai hak pusaka, tatacara kemasukan orang luar yang baru duduk di Rembau ke dalam suku yang ada, pengkodiman, persemedaan, perkahwinan di luar suku, penyimpanan harta benda, pemilikan tanah, penggiliran jawatan Orang Besar Berempat iaitu Dato Shah Bandar, Dato Mangkubumi, Dato' Menteri Lela dan Dato' Raja Diraja. Peranan dan fungsi Orang Besar Empat tersebut dihuraikan melalui perbilangan adat "ke bukit menjadi tongkat, ke laut menjadi apung, ke darat menjadi suloh".

Tulisan Parr dan Mackerry (1910) juga memperincikan perlembagaan Rembau mengenai panduan dan peranan yang dimainkan oleh institusi Buapak, Lembaga dan Pembesar yang ada

di Rembau. Panduan tersebut adalah untuk mewujudkan keharmonian hidup bermasyarakat seperti yang menjadi falsafah atau asas utama adat Perpatih. Bertunjangkan kepada falsafah ini, perlantikan seseorang dalam lingkungan suku ke jawatan Buapak adalah hasil pilihan dan kebulatan anak buah dalam "perut" suku tersebut dengan mendapat persetujuan Dato' Lembaga. Batasan sempadan kuasa mereka adalah dalam lingkungan "perut" mereka sahaja. Mereka dihormati oleh anak buah melalui beberapa etiket atau adat yang perlu diikuti ketika Buapak menghadiri majlis perkahwinan, bersunat, memangkas jambul dan lain-lain.

Peranan Buapak adalah perlu mengetahui segala hal dan perbuatan yang dilakukan oleh anak buahnya, menyelesaikan segala pertelingkahan yang berlaku dalam kalangan mereka dan memahami sejarah pertelingkahan tersebut sebaiknya. Buapak akan dipecat jika menyelesai atau membuat keputusan melangkaui bidang kuasanya. Dengan adanya sistem perlantikan yang teratur dan jelas, terdapat batasan kuasa dan peranan Buapak. Hal ini menunjukkan institusi adat di Negeri Sembilan telah menjadikan muafakat sebagai asas utama sistem sosial mereka seperti perbilangan adat "baik diterima dek muafakat, buruk ditolak dek rundingan, tak ada yang keruh yang tak jernih, tak ada yang kusut yang tak selesai".

Perlembagaan Rembau telah memperincikan tentang adat dan peraturan berkaitan dengan perkahwinan. Peraturan mengenai perkahwinan ini memberi garis panduan untuk ahli suku melangsungkan perkahwinan supaya tidak melakukan apa yang dilarang dalam adat. Perkahwinan yang tidak menepati kehendak adat dinamakan sebagai "sumbang". Terdapat dua jenis "sumbang", iaitu "sumbang sewaris" dan "sumbang sekodim". "Sumbang sewaris" adalah berkahwin dalam lingkungan sesuku tetapi berbeza "perut". Perkahwinan sewaris dilarang dan kesalahan yang dikategorikan sebagai "sumbang sewaris" adalah kesalahan yang dianggap agak ringan dihukum melalui dendaan tertentu. Perkahwinan sewaris dilarang seperti disebutkan oleh Perbilangan adat;

**Kok ke darat sial belui,
Kok laut tumpah karam,
Kok beranak tak cukup sifatnya,
Ditimpa dek bias batu kawi.**

Manakala "sumbang sekodim" adalah berkahwin dalam "perut" sendiri. Perkahwinan sekodim dianggap melakukan kesalahan besar yang dianggap sebagai derhaka yang dihukum dengan dirampas harta benda mereka. Perbilangan adat berikut menggambarkan keadaan mereka yang melakukan sumbang sekodim tersebut;

**Hidup tak terpelihara,
Mati tak ditanam,
Harta diambil,
Tuan dibunuhan.**

Larangan perkahwinan sewaris dan sekodim dalam amalan adat Perpatih di Rembau seperti yang disebutkan oleh Parr dan Mackerry bukanlah secara tuntas dilakukan di Rembau kerana ada pengecualian dan justifikasi tertentu kepada Suku tertentu di Rembau. Larangan tersebut adalah lebih bersifat adat. Walaupun dari segi hukum syarak tidaklah mengharamkan perkahwinan jenis tersebut dilakukan seperti yang diterangkan dalam kitab fekah bab perkahwinan. Hal ini dapat diselami bahawa falsafah adat yang tersirat dari larangan tersebut adalah untuk menggalakkan perkahwinan di luar suku dilakukan. Justifikasinya disebabkan hubungan sesuku dianggap begitu erat sehingga seseorang lelaki menganggap perempuan dari suku yang sama dengannya sebagai ibu, mak cik, kakak, adik atau anak perempuannya sendiri (Mat Noor Mat Zin et, al., 2012).

Kesimpulannya, tulisan Parr dan Mackerry memberikan kita fakta bertulis untuk memahami sejarah Rembau dan perlembagaannya yang berasaskan adat Perpatih. Tulisan ini membolehkan para penyelidik mengkaji perkembangan adat Perpatih di Negeri Sembilan dari pelbagai perspektif.



Erti Kemerdekaan Menurut Surah Al-Kahfi

Oleh: **Nur Sofiah binti Suhaimi**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pada 30 Ogos 2021 tahun ini genap 64 tahun Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan kita nikmat kebebasan daripada terus dicengkam kesengsaraan menerusi penguasaan ke atas raja, harta serta kudrat keringat rakyat jelata dalam memenuhi tuntutan ketamakan penjajah.

Namun begitu, pernahkah kita bertanya secara jujur kepada diri mengenai erti kemerdekaan yang kita capai hari ini. Persoalan yang bukan diajukan pada tahun kelima dan ke-10 tetapi 64 tahun setelah kita menikmatinya. Adakah erti kemerdekaan ini masih sama, temanku? Terkadang belum sempat akal meninjau jawapan kepada persoalan diri, tanpa disedari subjek perbincangan telah dipindahkan kepada anak muda. Peralihan atas nama kebimbangan dan keprihatinan. Kebimbangan kita terhadap jati diri generasi muda dan penghargaan mereka atas kemerdekaan yang dinikmati. Ayuh jangan berdalih lagi. Mari kembali bertanya pada diri. Apakah kemerdekaan hari ini hanya menerusi kibaran bendera dan hiasan jalur gemilang di seluruh kota raya? Lantas, benarkah engku memahami erti merdeka wahai diri?

Menerusi penelitian penulis terhadap perkongsian tadabbur al-Quran yang telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Muein Abd Rahman pada 27 Ogos yang lalu bertemakan "Kemerdekaan & Hijrah dari Surah al-Kahfi", maka ia telah memberikan lebih kefahaman mengenai erti kemerdekaan dalam konteks yang lebih jelas dan menyeluruh. Kemerdekaan yang tidak hanya terbatas kepada perbincangan ketatanegaraan dan semangat nasionalisme, malah erti kemerdekaan khusus buat diri setiap individu yang mendambakan kebebasan. Kemerdekaan menurut takrifan ilahi, Allah SWT yang Maha Mengetahui tuhan pemilik sekalian alam.

Penulis berhasrat untuk menggariskan konsep kemerdekaan dan kebebasan ini menerusi beberapa intipati daripada perkongsian tadabbur tersebut. Ringkasnya, terdapat tiga kisah utama daripada surah al-Kahfi yang boleh bersama kita peroleh manfaat daripadanya iaitu kisah penghuni gua, kisah pemilik kebun dan kisah Raja Dzulkarnain. Hal ini dijelaskan seperti berikut:

Kisah Pemuda Soleh Penghuni Gua

Kisah ini mengenai beberapa orang pemuda yang telah mengasingkan diri daripada pemerintah yang zalim dan masyarakat yang mensyirikkan Allah. Mereka mlarikan diri kerana tidak mahu mensyirikkan Allah SWT. Mereka mlarikan diri ke gua kerana ingin terus menjadi hamba Allah SWT. Kisah ini menggambarkan bahawa kemerdekaan yang paling mustahak adalah kemerdekaan diri. Kemerdekaan diri yang jauh lebih utama dan bernilai sehingga bersedia untuk meninggalkan segala-galanya termasuklah harta, kediaman yang selesa dan tanah air tercinta.

Kemerdekaan diri ini adalah merdeka daripada segala sesuatu yang boleh menghalang keyakinan diri untuk terus beriman dengan akidah yang benar. Merdeka dengan erti hanya mengesakan Allah SWT. Merdeka daripada menjadi hamba kepada segala sesuatu, termasuk penghambaan kepada manusia, hawa nafsu, harta dan dunia, sebaliknya menjadi sebenar-benar hamba Allah SWT. Merdeka dengan cara selari dengan tujuan manusia ini diciptakan, iaitu menjadikan diri hamba Allah SWT. Hamba yang sentiasa tunduk dan meminta hanya kepadaNya. "(Ingalah) tatkala pemuda-pemuda mencari tempat berlindung ke dalam gua, lalu mereka berdoa: "Ya Tuhan kami! Berikanlah rahmat kepada kami dari sisiMu, dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami (ini)". (Surah al-Kahfi: ayat 10).

Timbul persoalan, bagaimakah yang dimaksudkan dengan menjadi hamba Allah SWT itu menjadikan kita merdeka? Bukankah diri akan disekat kebebasannya untuk melakukan apa sahaja yang diinginkannya kerana perlu akur dan taat atas segala perintah dan laranganNya?

Kemerdekaan dan kebebasan yang sebenar adalah kebebasan yang memberi kebaikan dan mampu menyelamatkan diri daripada kerosakan. Kebebasan mutlak jelas tidak mampu memberikan jaminan keselamatan daripada segala bentuk kerosakan kepada agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Hanya dengan menjadi hamba Allah SWT kita merdeka kerana hanya dengan itu kita bebas daripada segala bentuk kemudarat dan beroleh keselamatan serta kejayaan. Hanya dengan menjadi hamba Allah SWT kita akan taat dan beroleh manfaat daripada seluruh perintah dan larangannya. Merdeka dengan erti sanggup tidak memiliki apa-apa tetapi cukup dengan memiliki pemilik segala-galanya.

Kisah Pemilik Kebun Anggur

Kisah ini melibatkan dua orang lelaki dan salah seorangnya merupakan pemilik kepada dua buah kebun anggur dan tanaman-tanaman lainnya. Kisah ini dirakamkan menerusi ayat 32 sehingga ayat 44. Kisah ini menggambarkan seorang pemilik kebun yang tidak merdeka, ditegur oleh seorang lelaki beriman dan akhirnya merdeka. Kemerdekaan menerusi kisah ini mampu difahami bahawa merdeka tidak diukur dengan nilai harta dan kekayaan. Sebaliknya jiwa yang merdeka menyerahkan segala pengharapan dan pujian hanya kepada Allah SWT. Merdeka daripada rasa iri dan dendri terhadap kelebihan rezeki orang lain sebaliknya terus berusaha menyeru untuk kembali tunduk kepada Allah SWT. Merdeka daripada sifat angkuh dan bangga diri. Merdeka daripada meletakkan diri sebagai asbab segala bentuk kejayaan dan kenikmatan yang diperolehi. Sebaliknya, merdekakan diri dengan beriman dan tunduk kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam ayat 42: "Dan harta kekayaannya dibinasakan, lalu dia membalik-balikkan kedua tangannya (tanda menyesal) terhadap apa yang telah dia belanjakan untuk itu, sedang pohon anggur itu roboh bersama para-paranya dan dia berkata: "Aduhai, kiranya dahulu aku tidak mempersekuatkan seorang pun dengan Tuhanaku!"

Kisah Raja Dzulkarnain

Kisah ini dirakamkan pada ayat 83 sehingga ayat 98. Kisah mengenai seorang pemimpin yang merdeka. Seorang pemimpin bernama Dzulkarnain yang memiliki kekuasaan yang luas. Namun, tidak meninggalkan tanggungjawab untuk meninjau keadaan masyarakat di bawah pimpinannya. Malah, beliau tidak juga berdiam diri apabila perlakunya sebarang bentuk kemungkaran. Lalu, bagaimanakah beliau dikatakan sebagai seorang pemimpin yang merdeka?

Firman Allah SWT ayat 94-95: "Mereka berkata: "Wahai Dzulkarnain! Sesungguhnya Yakuj dan Makuj itu orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka bolehkah kami membayarmu imbalan supaya kamu membuat dinding penghalang antara kami dan mereka?". Dzulkarnain berkata: "Apa yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepadaku terhadapnya adalah lebih baik imbalannya, maka tolonglah aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar aku membuatkan dinding penghalang antara kamu dan mereka"

Pemimpin yang merdeka tidak mengharapkan upah dan habuan daripada orang yang berada dibawahnya sebaliknya hanya mengharapkan ganjaran daripada yang Maha Kaya, pemilik alam dan seluruh isinya Allah SWT semata-mata. Kedua, pemimpin yang merdeka juga tidak meninggalkan beban tugas

kepada yang lain untuk diselesaikan sebaliknya pemimpin yang merdeka akan turut serta dalam menjayakannya. Ketiga, perbezaan penggunaan kalimah bagi tembok iaitu *sadda* (سدة) dan *radma* (ردمه), iaitu tembok yang lebih baik dan kukuh menunjukkan bahawa seorang pemimpin yang merdeka akan sentiasa memberikan yang terbaik melebihi apa yang dipinta dan dirasakan perlu oleh orang dibawahnya.

Kesimpulannya, semoga pada bulan kemerdekaan ini mampu memberikan kita lebih kesempatan untuk memahami dan menghayati erti kemerdekaan yang sebenar. Kemerdekaan yang membawa diri kepada kebebasan daripada sebarang bentuk penghambaan melainkan hanya dipasaknya kepada Allah SWT. Kemerdekaan hakiki dengan menjadikan diri sebenar-benar hamba Allah SWT. Hamba Allah SWT yang meletakkan al-Quran di hadapan sepanjang kehidupannya. Hamba Allah SWT yang bebas daripada rasa gusar dek asakan kehidupan, bebas daripada terpaksa akur kepada kezaliman dan bebas untuk terus tunduk dan taat hanya kepada Allah SWT. *Wallahu'lam*.

* Penulisan ini hanyalah intipati dan huraian ringkas penulis yang tidak mewakili keseluruhan daripada perkongsian tadabbur yang telah dinyatakan di atas.

Pautan rujukan lanjut:

<https://www.youtube.com/watch?v=oMALuHIRKc4&t=4601s>

Penubuhan Jabatan Institusi Fatwa di Malaysia: **SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN dan PERAK**

Oleh: Dr. Mohd Kamel Bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Selangor:

Pada peringkat awal, Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah satu bahagian dalam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu Bahagian Fatwa. Ia diketuai oleh Sheikhul Islam iaitu satu jawatan yang mengetui institusi fatwa di Negeri Selangor. Sheikhul Islam pertama disandang oleh Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman yang berkhidmat pada tahun 1935 hingga tahun 1952. Jabatan Agama Islam Selangor secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1948 dan jawatan Mufti mula diwujudkan pada tahun 1953 yang disandang oleh Tuan Haji Yusuf bin Sahabuddin dan berkhidmat sehingga tahun 1967.

Sebelum tahun 1985, hanya terdapat dua orang kakitangan sahaja yang berkhidmat di Bahagian Fatwa iaitu Mufti dan seorang pemandu. Segala urusan pentadbiran dan kewangan

adalah di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor. Jawatan Timbalan Mufti hanya diwujudkan pada tahun 1991. Jawatan ini diwujudkan bagi membantu Mufti dalam menjalankan tugas mengenai Hal Ehwal Islam sesuai dengan perkembangan semasa.

Jawatankuasa Undang-Undang Agama di bawah Majlis Agama Islam Selangor telah ditubuhkan melalui peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3, 1952, 40(1). Mufti negeri telah dilantik mengetui jawatankuasa ini dan ia dianggotai tidak lebih daripada dua orang dari kalangan Ahli Majlis dan tidak lebih dari dua orang kalangan ulama yang mempunyai kelayakan. Pada tahun 1989, jawatankuasa ini ditukar nama kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dengan keanggotaan Mufti sebagai Pengurus dan beberapa orang ahli iaitu Timbalan Mufti, Penasihat Undang-Undang Negeri, seorang dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam aspek hukum dan sekurang-kurangnya dua orang ahli tetapi tidak melebihi lima orang dari kalangan ulama yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Dari pengasingan ini, berlaku perkembangan struktur organisasi dan fungsi Jabatan Mufti Negeri Selangor. Walaupun pada zahirnya Jabatan Mufti telah berasingan dari Jabatan Agama Islam



Wilayah Persekutuan:

Wilayah Persekutuan mula ditubuhkan pada 1 Februari 1974 sebelumnya sebahagian dari negeri Selangor. Ia hasil persetujuan kerajaan Selangor dengan kerajaan Persekutuan. Sejak itu semua bidang kuasa kerajaan negeri termasuk yang berkaitan dengan hal ehwal Islam diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan pusat. Yang di-Pertuan Agong adalah ketua agama bagi Wilayah Persekutuan dan untuk mentadbir urusan agama, ditubuhkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mufti pertama Wilayah Persekutuan ialah Datuk Sheikh Abdul Mohsein bin Haji Salleh. Untuk membantu Mufti dalam masalah hukum syarak yang diajukan kepada Pejabat Mufti, maka sebuah Jawatankuasa Undang-Undang, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada tahun 1978.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sebelum ini merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Pada waktu itu, Mufti Wilayah Persekutuan sebagai ketua kepada bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Istimbah. Pada 1 Oktober 1998, bahagian tersebut telah diasingkan daripada struktur JAWI berikutan penyusunan semula struktur Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pembangunan Operasi. Pada peringkat awal operasinya, pejabat ini hanya terdiri daripada 6 orang anggota sahaja.

Mulai tahun 2000, semua urusan pentadbiran dan kewangan pejabat diuruskan sepenuhnya oleh pejabat ini dengan mendapat waran peruntukan mengurus daripada Jabatan Perdana Menteri. Pada 3 Mac 2004, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan cawangan Labuan telah ditubuhkan. Pejabat Mufti cawangan Labuan beroperasi di Bangunan Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan memainkan peranannya tersendiri semenjak penubuhannya pada tahun 1998 dalam usaha untuk mengembangkan ajaran Islam kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan. Ini juga ditambah dengan peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh para mufti yang berkaliber yang sedia berkhidmat untuk memberi pengetahuan dan pemahaman kepada masyarakat secara menyeluruh tentang Islam, demi memajukan rakyat Malaysia, khususnya di Wilayah Persekutuan.

Perak:

Jawatan mufti dan kadi telah lama wujud sejak pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu. Pada tahun 1935, baginda Sultan Iskandar dengan rasminya telah melantik Tuan Haji Muhammad Zain bin Muhammad Amin sebagai Mufti Perak yang pertama. Sebelum itu, Tuan Haji Muhammad Zain ialah guru agama kepada baginda Sultan.

Pentadbiran dan perjawatan Mufti mula terserlah setelah Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Hal-Ehwah Agama Islam Perak ditubuhkan pada tahun 1949. Secara tepatnya, pada 23 Oktober 1949 bersamaan 1 Muharram 1369 Hijrah iaitu pada hari Ahad, kerajaan Perak telah mewujudkan sebuah pejabat agama yang dinamakan sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Penubuhan ini adalah bertujuan untuk menasihati dan membantu Sultan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan Adat Melayu Perak di negeri Perak.

Pada 1 Mei 1952, Kerajaan Perak telah meluluskan Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Seterusnya pada 1 Mei 1965, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perak pula telah diluluskan sebagai pengganti kepada undang-undang sebelumnya. Dengan penubuhan Majlis dan Jabatan Hal Ehwah Agama Islam Perak ini, pejabat Qadhi Besar yang sebelum ini berada di Kuala Kangsar telah dipindahkan dan disatukan di Ipoh. Di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam pula, beberapa bahagian tertentu telah diwujudkan bagi melancarkan sebarang urusan yang dijalankan. Antara bahagian tersebut ialah Bahagian Fatwa yang dipengerusikan oleh Mufti. Melalui Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak ini juga Jawatankuasa Syariah diwujudkan dengan mufti bertanggungjawab menjadi pengurus bagi Jawatankuasa ini.

Bagi menentukan institusi fatwa ini berfungsi sebagaimana yang sewajarnya, Kerajaan Negeri Perak telah mengasingkan pentadbiran institusi fatwa ini daripada Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Negeri dan Mahkamah Syariah. Sebelum 1 Februari 1992, Jabatan Mufti Negeri Perak berada di bawah Jabatan Agama Islam Perak. Selepas berlaku penyelesaian dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 1996, Jabatan Mufti telah diasingkan dari Jabatan Agama dan menjadi sebuah jabatan berasingan.

Food to Share

Oleh: Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Rembau; SABTU 27 JUN 2021 Program Food to Share telah diadakan di Daerah Rembau anjuran Kursus Khidmat Masyarakat II UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dengan kerjasama Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan, Yayasan Bunga Raya, Persatuan Briged Sukarelawan, dan MPKK Daerah Rembau. Program ini bermula pada jam 9 Pagi hingga 7.30 malam melibatkan seramai 46 orang ibu tunggal dan asnaf di daerah Rembau. Untuk makluman, program yang julung kalinya diadakan pada tahun 2021 ini adalah rentetan daripada program Sinergi Aidilfitri Motivasi Kesejahteraan Mental dan Spiritual yang diadakan pada 19 Jun 2021 dengan tujuan untuk memberi sumbangan kepada ibu tunggal. Program Food to Share ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada 11 orang Ketua Kampung di Kawasan Kg Tanah Datar Chengkau, Kota, Rumah Rakyat Chembong, Kundur Hilir, Pedas Perdana, Pilin, Kg Penajis, Desa Permai Kundur, Taman Akasia, Kg. Senama Hilir, Taman Rembau Permata dan Taman Rembau Utama.

Terdapat barangas asas seperti barang keperluan dapur iaitu beras, minyak masak, telur, kicap, tepung gandum, gula pasir, garam, susu dan biskut telah ditaja oleh Yayasan Bunga Raya kepada asnaf daerah Rembau. Selain itu, Kursus Khidmat Masyarakat II UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan Kerjasama Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan, dan Persatuan Briged Sukarelawan pula telah menaja sebanyak RM50 kepada ibu tunggal untuk membeli barang keperluan mereka dari pasaraya seperti Family Store dan Speedmart 99. Hasil daripada program ini, wakil jawatankuasa program Puan Noor Hazimah Hani binti Hamsin dan Suhaila Sharil berjaya menyantuni ibu tunggal dan asnaf dengan bantuan MPKK. Terdapat satu keluarga asnaf yang positif Covid -19 dan sedang kuarantin di rumahnya di Chengkau telah menerima bantuan berbentuk barang keperluan asas di meja yang telah disediakan di hadapan rumahnya manakala seorang ibu tunggal yang menghidap penyakit kudis di kaki dari Kg Penajis Bandar menitiskan air mata kerana terharu masih ade NGO yang ingin memberi sumbangan kepadanya. Beliau juga merupakan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitulmal.

Di samping itu, terdapat juga ibu tunggal warga emas yang berasa risau kerana mereka belum menerima vaksin namun ketua kampung meyakinkan bahawa warga emas adalah orang yang didahulukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menerima suntikan vaksin. Seorang ibu tunggal di Pedas Perdana yang baru sahaja bercerai juga menyatakan beliau belum mendaftar suntikan vaksin di dalam aplikasi MySejahtera manakala seorang ibu tunggal yang tinggal di kawasan Chembong telah menumpang di rumah adik beradik kandung disebabkan kekangan yang dihadapinya bersama keluarga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Sekitar jam 5 Petang pihak jawatankuasa program telah bergegas ke Desa Permai Kundur untuk memberi bantuan kepada ibu tunggal di sana dan kedatangan mereka disambut oleh tiga orang ahli jawatankuasa manakala seorang ibu tunggal yang mempunyai 5 orang anak mengucapkan syukur di atas rezeki yang diberikan dan mendoakan semoga program ini dapat memberi impak kepada ibu tunggal di sekitar daerah Rembau. Terdapat seorang anak ibu tunggal yang tinggal di Kundur Hilir berazam untuk membantu orang seperti ibunya apabila besar kelak. Sangat terharu dengan

kata-katanya semoga semangatnya yang tidak pernah luntur membuatkannya berjaya di masa hadapan.

Apa yang menarik juga, melalui program ini telah ditemui seorang ibu tunggal yang kematian suami dan bekerja sebagai penoreh getah mempunyai anak seramai 7 orang serta tinggal di Kg Senama Hilir menyatakan anaknya merupakan pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Alhamdulillah, dengan adanya program seperti ini maka sedikit sebanyak dapat menggembirakan ibu tunggal di sekitar daerah Rembau di samping membantu dari sudut kesejahteraan mental dan spiritual. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Ketua Wanita IKRAM Negeri Sembilan Puan Hajah Rosemawati Ali dan Puan Hajah Jawiah binti Darmawan selaku Ketua Wanita IKRAM Rembau di atas usaha menyalurkan sumbangan daripada Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan dan Yayasan Bunga Raya untuk menjayakan program.

Tidak dilupakan juga kepada pelajar Kursus Khidmat Masyarakat II UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang bertungkus lumus berusaha memastikan program berjalan dengan lancar walaupun secara *Open Distance Learning* (ODL) dan mencari inisiatif serta dana untuk membantu ibu tunggal dan menyediakan kupon. Tahniah juga diucapkan kepada barisan MPKK Daerah Rembau yang membantu jawatankuasa program dengan memberikan senarai nama ibu tunggal dan asnaf di kawasan mereka. Semoga usaha ini diberkati dan didoakan semoga diberi kesihatan kepada semua ibu tunggal dan asnaf di daerah Rembau.

